

Belanjawan Melaka 2026: Negeri kecil berjiwa besar



Pengarah Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme, Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Belanjawan Melaka 2026 bertemakan 'Pembangunan Terancang, Demi Rakyat, Untuk Rakyat' muncul sebagai satu dokumen dasar yang jelas dari segi falsafah, hala tuju dan keberpihakan kepada rakyat.

Jika dibandingkan belanjawan negeri itu pada tahun sebelumnya dan bajet negeri lain, Belanjawan Melaka 2026 menonjol sebagai dokumen yang semakin matang, tersusun dan berwibawa.

Dari sudut kesinambungan, Belanjawan Melaka 2026 dibina atas rekod pelaksanaan Belanjawan Melaka 2025 yang memamerkan kejayaan kerajaan negeri melaksanakan hampir semua inisiatif dirancang.

Kini, melalui Belanjawan Melaka 2026, jumlah inisiatif ditingkatkan lagi dengan 204 program dan langkah baharu di bawah payung Melaka Sayang Rakyat (MeSRA).

Peralihan ini menggambarkan transformasi daripada fasa pemulihan kepada fasa pemantapan dan lonjakan semula, fokus melangkaui sekadar keluar daripada krisis, tetapi membina masa depan lebih tersusun dan inklusif.

Dari sudut fiskal, saiz belanjawan Melaka memang tidak sebesar negeri bergajasi seperti Selangor atau Johor. Namun, kekuatan Melaka terletak pada disiplin kewangannya. Kerajaan negeri terus mengekalkan belanjawan lebihan, mengelak daripada membuat pinjaman baharu dengan Kerajaan Persekutuan, pada masa sama, berusaha mengurangkan hutang lama.

Di samping itu, pengiktirafan audit yang baik terhadap penyata kewangan negeri wajar diberikan perhatian apabila Melaka menerima Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan 2024 menandakan tatakelola fiskal kemas dan berhemah.

Dalam konteks perbandingan antara negeri, tidak semua kerajaan negeri mampu menunjukkan gabungan lebihan belanjawan, prestasi kutipan hasil meningkat dan disiplin hutang konsisten seperti Melaka.

Belanjawan ini juga jelas memperlihatkan keunikan melalui penjenamaan dasar sosial di bawah nama MeSRA. Jika sebelum ini bantuan sosial lazimnya diumumkan dalam bentuk pakej besar yang umum, Belanjawan Melaka 2026 memecahkannya kepada

skim disasar dengan lebih halus.

Di bawah MeSRA, terdapat skim menyentuh pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, asnaf, komuniti masjid, belia, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), digital, nelayan, petani, orang kurang upaya (OKU) serta warga emas.

Pendekatan ini menjadikan Belanjawan Melaka 2026 kelihatan seperti 'tailor-made' untuk pelbagai kumpulan sasaran daripada bayi yang baru lahir, pelajar sekolah dan mahasiswa hingga warga emas serta golongan rentan pada hujung hayat.

Contohnya dalam bidang pendidikan, belanjawan ini bukan sahaja menyediakan inisiatif untuk infrastruktur sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT), bahkan mewujudkan simpanan awal pendidikan untuk bayi dan kanak-kanak Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), program tuisyen percuma untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), program kecemerlangan peperiksaan, insentif khas kepada siswazah memperoleh ijazah kelas pertama serta bantuan kepada sekolah tahfiz dan institusi agama.

Pendekatan menyeluruh jarang dilihat serapi ini dalam belanjawan negeri lain, menjadikan Melaka menonjol sebagai negeri benar-benar melihat pendidikan sebagai pelaburan jangka panjang.

Dalam bidang kebajikan dan perlindungan sosial, Belanjawan Melaka 2026 pula memaparkan rangkaian bantuan menyentuh pelbagai lapisan. Ter-

dapat bantuan tunai dan sokongan khusus kepada ketua isi rumah miskin, bantuan lampin pakai buang serta susu bagi pesakit terlanjar, perkhidmatan ambulans khas dari rumah ke hospital untuk keluarga B40, pengiktirafan dan program khas untuk OKU serta inisiatif menyentuh kebajikan warga emas.

Skim MeSRA Asnaf pula memperkukuh peranan zakat dengan peningkatan kadar bantuan serta pengenalan skim baharu seperti bantuan simpanan pelajaran anak asnaf dan bantuan bina rumah. Keseluruhannya, rangkaian ini menggambarkan konsep *from cradle to grave* yang diisi dengan peruntukan dan mekanisme jelas.

Fokus pelaburan berbilik

Dalam aspek pembangunan ekonomi, Belanjawan Melaka 2026 seiring dengan agenda nasional menekankan pelaburan berkualiti, ekonomi digital dan peralihan hijau. Pelaburan bernilai bilion ringgit dalam sektor berteknologi tinggi, perindustrian, logistik dan hab halal membuktikan Melaka tidak mahu kekal sebagai negeri pelancongan semata-mata, tetapi berhasrat menjadi pemain penting dalam rantaian ekonomi masa depan.

Lebih menarik, reformasi pengurusan tanah melalui LCP 2.0 yang mempercepatkan proses pengambilan balik tanah menjadikan Melaka rujukan peringkat kebangsaan dan menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri memotong kerenah birokrasi demi memudahkan pelaburan.

Transformasi digital pula diberi nafas tersendiri melalui *Smart Melaka Blueprint*, sistem e-mel rakyat, Kampar Digital, Kubur Digital, peluasan rangkaian WiFi percuma dan projek perkhidmatan awam berasaskan teknologi.

Di sini, Melaka bukan sekadar menumpang arus 'Malaysia Digital', tetapi berusaha memamerkan identiti sebagai 'negeri pintar' menzahirkan teknologi dalam kehidupan seharian rakyat.

Dalam sektor pelancongan, kelebihan tradisi Melaka sebagai bandar warisan dunia diperkukuh lagi melalui Tahun Melawat Melaka 2.0, pengukuhan zon pelancongan, pembangunan produk geopark, arkeopelancongan atau pelancongan arkeologi, pelancongan digital serta pelbagai insentif kreatif seperti tiket percuma untuk penjawat awam dan pelancong yang berpakaian busana tradisional.

Akhir sekali, Belanjawan Melaka 2026 meletakkan penekanan besar kepada tatakelola dan kecakapan perkhidmatan awam. Pengiktirafan terhadap agensi dan pihak berkuasa tempatan (PBT), penjaminan hasil reformasi birokrasi, program Wakil Rakyat Untuk Rakyat serta sesi EXCO bersama rakyat secara berkala menunjukkan budaya kerajaan responsif dan dekat dengan rakyat diterjemahkan ke dalam sistem, platform dan indikator prestasi yang nyata.

Secara keseluruhan, Belanjawan Melaka 2026 boleh dirumuskan sebagai bajet negeri kecil berbilik dan bertindak seperti negeri besar. Berbanding belanjawan Melaka tahun-tahun terdahulu yang lebih bersifat asas dan pemulihan, Belanjawan Melaka 2026 hadir dengan identiti lebih kukuh, berjenama, bersasar dan berwibawa.

Apabila dibandingkan pula dengan belanjawan negeri lain, Melaka mungkin ketinggalan dari segi saiz angka, namun menonjol dari segi ketelitian, inovasi sosial dan keberanian mengangkat pendekatan 'pembangunan terancang, demi rakyat, untuk rakyat' dalam erti kata sebenar.

Dalam konteks perbandingan antara negeri, tidak semua kerajaan negeri mampu menunjukkan gabungan lebihan belanjawan, prestasi kutipan hasil meningkat dan disiplin hutang konsisten seperti Melaka



Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Razif Yusof ketika membentangkan Belanjawan Melaka 2026 di Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh, 5 Disember lalu. (Foto BERNAMA)

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH